

**Parlimen: Kadar Pertumbuhan Hutang Isi Rumah Malaysia Tahun Lepas Menurun  
Bernama  
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Kadar pertumbuhan jumlah hutang isi rumah di Malaysia tahun lepas menurun kepada kadar yang lebih sederhana berbanding tiga tahun sebelumnya, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.

Ahmad berkata kadar pertumbuhan hutang isi rumah tahun lepas sebanyak 11.7 peratus berbanding 13.5 peratus pada 2012 dan 2011, dan 15.1 pada 2010.

"Ia (penurunan pertumbuhan hutang isi rumah) ekoran pelaksanaan pelbagai langkah awalan yang diambil (kerajaan) sejak 2010.

"Anggota perkhidmatan awam dan orang ramai yang mempunyai keupayaan untuk meminjam, terus mendapat akses kepada kemudahan pembiayaan walaupun usaha kerajaan mengambil beberapa langkah untuk mengawal perkembangannya," katanya semasa sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat pada Rabu.

Ahmad menjawab soalan Dr Lee Boo Chye (PKR-Gopeng) yang bertanyakan jumlah hutang isi rumah keluarga mengikut jenis hutang dan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ahmad berkata jumlah hutang isi rumah tahun lepas sebanyak RM854.3 bilion dan nisbah unjuran jumlah hutang itu berbanding KDNK ialah sebanyak 86.8 peratus.

Katanya pecahan jumlah hutang isi rumah itu merangkumi pinjaman daripada sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan institusi kewangan bukan bank.

"Pembelian rumah kediaman mencatatkan jumlah hutang tertinggi tahun lalu iaitu RM377.7 bilion atau 44.2 peratus, diikuti pembelian kenderaan (RM149.9 bilion), pinjaman peribadi (RM141.5 bilion), pembelian harta bukan kediaman (RM65.2 bilion), pembelian pelbagai saham atau sekuriti (RM54.9 bilion), kad kredit (RM35.5 bilion) dan tujuan lain (RM29.6 bilion)," katanya.

Beliau berkata antara langkah yang diambil kerajaan untuk memastikan pengurusan kewangan dan hutang isi rumah lebih kukuh dan mampan ialah meringankan beban rakyat seperti menambah baik struktur ganjaran untuk penjawat awam.

Selain itu, katanya kerajaan juga memberi bantuan tunai kepada rakyat, menambah baik sistem pengangkutan awam dan membina rumah mampu milik.

"Langkah untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah ini diperkenal beransur-ansur oleh kerajaan bagi melaksana pelarasan tersusun dalam sistem kewangan dan ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024968>